

24/01/1998

GP Dunia sah di Litar Pasir Gudang

Ahmad Fauzi Mustafa

LITAR Pasir Gudang di Johor Bahru akan menjadi tumpuan berjuta-juta peminat lumba motosikal dunia, apabila ia disahkan menjadi gelanggang perlumbaan Grand Prix Malaysia, April ini.

Persetujuan memindahkan gelanggang sirkit pertama GP dunia itu dari Shah Alam ke Pasir Gudang, dicapai selepas perbincangan beberapa 'orang kuat' penganjuran GP dengan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman (gambar) di Johor Bahru semalam.

Adalah difahamkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengibar bendera pelepasan bersejarah di litar itu, yang dijadual berlangsung pada 19 April.

Pertemuan peringkat eksekutif kira-kira setengah jam di Saujana, kediaman rasmi Menteri Besar itu, memperlihatkan sendiri bahawa Abdul Ghani mahu GP motosikal dunia dianjurkan penuh kesungguhan.

"Kita mahu masyarakat dunia mengenali Pasir Gudang khususnya dan Johor Bahru umumnya secara lebih dekat lagi. Menerusi penganjuran perlumbaan bertaraf dunia seperti itu, sudah pasti ramai pelancong datang ke mari.

"Saya berpuas hati dengan penerangan yang dibuat oleh Tan Sri Bashir Ismail (Pengerusi Malaysia Airports Berhad), wakil Persekutuan Motosikal Antarabangsa (FIM) dan promoter antarabangsa kejohanan motosikal dunia, Dorna.

"Mereka semua yakin Johor (Litar Pasir Gudang) adalah antara gelanggang terbaik, termasuk dari aspek penganjurannya selain gelanggang terpilih lain di serata dunia.

"Jadi, Johor sudah pasti tidak mahu melepaskan peluang keemasan seperti ini dan tanggungjawab selanjutnya akan diserahkan kepada Perbadanan Johor (PJ) dan Johor Circuit untuk membuat rundingan terperinci dengan MAB, FIM dan Dorna," kata Abdul Ghani dalam pertemuan dengan Berita Harian di Johor Bahru, semalam.

Sejarah perlumbaan motosikal GP Dunia memperlihatkan Litar Shah Alam sebagai perintis menarik minat warga negara ini bertumpu dan memberi sokongan terhadap sukan itu sejak 1991.

Pada mulanya, ia dikendalikan Shah Alam Motor Paradise (SAMP) Sdn Bhd sebelum diambil alih MAB, yang menyaksikan Litar Pasir Gudang diiktiraf berkelas dunia.

Abdul Ghani turut beranggapan Litar Pasir Gudang akan mendapat sambutan luar biasa di kalangan peminat motosikal berkuasa tinggi dari negara jiran, Republik Singapura.

(END)